

**UCAPAN MENTERI SEKITARAN DAN SUMBER AIR MERANGKAP MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL MASYARAKAT ISLAM, DR YAACOB IBRAHIM, DALAM MAJLIS MERAIKAN GRADUAN SKIM PENGUPAYAAN SEPADU MUIS, SABTU, 19 JUN 2010, 2.00 PETANG, AUDITORIUM, HAB ISLAM SINGAPURA.**

---

Presiden Muis  
Haji Mohd Alami Musa

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati

Assalammu'alaikum Wr Wb,

Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama para hadirin sekalian dalam majlis yang penuh bermakna ini. Kita akan meraikan para penerima zakat yang berjaya menamatkan Skim Pengupayaan Sepadu atau 'Empowerment Partnership Scheme' (EPS) kendalian Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Saya mengucapkan syabas kepada mereka. Tekad dan usaha gigih mereka amat membanggakan.

**Pungutan Zakat**

2 Masyarakat Islam setempat terus menunjukkan daya ketahanan yang tinggi dan menunaikan kewajipan membayar zakat walaupun mereka berada di tengah-tengah ekonomi yang suram tahun lalu. Alhamdulillah, pungutan zakat juga menunjukkan tren yang meningkat sejak 2005. Tahun lalu, pungutan zakat MUIS mencecah \$21.3 juta. Kalau dibandingkan dengan pungutan \$15 juta pada 2005, ini adalah satu kenaikan \$6.3 juta atau 30 peratus.

3 Tren positif ini jelas menunjukkan sokongan padu dan keprihatinan masyarakat kita untuk menyumbang dan menunaikan tanggungjawab agama demi kesejahteraan masyarakat Islam Singapura.

4 Seajar dengan ini, MUIS akan terus mempertingkatkan usaha untuk membantu para penerima zakat. Para penerima zakat, terutama sekali anak-anak mereka yang masih bersekolah, akan berpeluang mengikuti program peningkatan kemahiran dan ilmu, agar mereka dapat berdikari dan keluar dari lingkaran kemiskinan.

#### **Agihan Zakat Melalui Pengupayaan**

5 Sejak 2004, MUIS telah melaksanakan skim pengupayaan atau 'empowerment' (EPS) sebagai teras utama untuk membantu keluarga miskin, terutama sekali golongan yang berpotensi untuk berdikari. Sejauh ini, MUIS telah membelanjakan hampir \$3 juta untuk skim EPS dalam bentuk latihan peningkatan kemahiran, kemahiran hidup serta pendidikan agama bagi 610 keluarga. Jumlah keluarga yang berjaya berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan bulanan zakat MUIS telah mencapai 403 keluarga, sejak EPS diperkenalkan pada 2004. Ini termasuklah 172 graduan yang kita raikan hari ini.

6 Saya difahamkan skim ini membantu para graduan membentuk sikap positif terhadap pembelajaran dan peningkatan kemahiran, serta mengamalkan pengurusan kewangan yang lebih bijak. Contohnya, Puan Ajainah Sidik, 53 tahun, dan anak-anaknya merupakan graduan EPS yang mempunyai semangat kental untuk berdikari. Beliau amat menitikberatkan pelajaran anak-anaknya dan

memastikan mereka dapat menamatkan pelajaran di politeknik. Anaknya yang bongsu baru sahaja tamat menduduki peperiksaan peringkat GCE 'N'.

7 Puan Ajainah, seorang pekerja pembersihan di sebuah kedutaan asing juga dapat menambah pendapatan keluarga dengan mengambil tempahan kuih-muih serta menjahit baju kurung. Beliau telah memperolehi kemahiran-kemahiran baru ini melalui kursus atau bengkel yang beliau ikuti di Mendaki SENSE, Suri Stitch, Kelayakan Kemahiran Tenaga Kerja (WSQ) dan sebagainya. Berkat kesabaran, kedudukan kewangan keluarga Puan Ajainah bertambah baik, lebih-lebih lagi sejak anak-anak mula bekerja separuh masa bagi meringankan beban kewangan. Puan Ajainah telah berjaya menyelesaikan hutang rumahnya secara perlahan-lahan. Kini, Puan Ajainah bersikap lebih yakin dan positif dalam menghadapi cabaran hidup.

8 Tahniah saya ucapkan kepada Puan Ajainah sekeluarga serta graduan EPS yang lain. Setiap graduan kita hari ini mempunyai jalan hidup dan perjuangan masing-masing untuk mengejar cita-cita demi memperbaiki kehidupan keluarga. Saya yakin kejayaan anda semua akan menjadi inspirasi dan teladan kepada individu dan keluarga lain yang memerlukan.

### **Dana Pembangunan Sosial**

9 MUIS akan terus menggunakan wang kutipan zakat untuk meningkatkan keupayaan para penerima zakat untuk berdikari, memberi peluang kepada anak-anak mereka melalui pendidikan dan mengukuhkan ketahanan para penerima zakat yang perlu dibantu buat jangka panjang, seperti para pesakit kronik, warga tua dan ibu tunggal. Kita perlu membantu anak-anak penerima zakat dalam bidang

pendidikan kerana pendidikan merupakan anak kunci untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan.

10 Pada Mac lalu, saya telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak \$2.5 juta untuk membantu keperluan pendidikan anak-anak para penerima zakat. Dana ini akan dikenalkan sebagai Dana Maju.

11 MUIS akan memperuntukkan sebahagian daripada Dana Maju untuk membiayai keperluan pendidikan dan pembangunan anak-anak penerima zakat agar dapat meningkatkan pencapaian asas dalam pelajaran. Perangkaan MUIS menunjukkan hampir 2,170 anak-anak dari keluarga penerima zakat menuntut di sekolah rendah, menengah, maktab rendah dan ITE.

12 Pendidikan Islam merupakan salah satu komponen penting dalam skim bantuan MUIS. Untuk menggalakkan seramai mungkin anak-anak dan belia mengikuti kelas-kelas agama di masjid, termasuk program aLIVE, MUIS akan menawarkan subsidi atau rebat yuran pendaftaran, yuran bulanan serta buku-buku yang diberi **secara bertahap** dan mengikut pendapatan keluarga.

13 Para pelajar dari keluarga penerima zakat yang menuntut di keenam-enam madrasah sepenuh masa juga tidak dilupakan. Melalui Dana Maju, MUIS akan memperkenalkan **Skim Bantuan Madrasah** untuk memastikan para pelajar ini akan menerima bantuan dalam bentuk subsidi yuran sekolah dan peperiksaan, geran buku serta uniform sekolah dan kupon sarapan/ makanan.

14 Pendamping atau 'befrienders' di masjid merupakan tunggak yang penting dalam strategi pengupayaan MUIS. Mereka menyediakan sokongan emosi dan moral kepada keluarga-keluarga ini. Mereka perlu mempunyai kemahiran untuk memahami cabaran-cabaran para penerima zakat. Melalui Dana Maju, para pendamping berpeluang mengikuti latihan profesional secara berperingkat. Dengan ini mereka dapat membantu keluarga penerima zakat dengan lebih berkesan.

### **Penutup**

15 Sebagai penutup, ingin saya tekankan bahawa para graduan EPS hari ini merupakan sumber inspirasi kita. Tamatnya skim EPS merupakan titik permulaan hidup baru bagi anda. Teruskanlah usaha anda untuk mempertingkatkan diri, mengamalkan kemahiran dan ilmu yang diperolehi menerusi EPS agar dapat terus meningkatkan kemahiran dan pendapatan tetap. Juga, jangan lupa untuk menguruskan perbelanjaan kewangan keluarga dengan bijak. Saya doakan agar anda akan dapat melayari bahtera hidup dan menghadapi cabaran-cabaran hari muka dengan berkesan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wr wb.

Terima kasih.